

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 03 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 16


## Anggota bomba terbunuh rempuh tiang elektrik

**Langkawi:** Dia tidak sempat menegur suaminya dan hanya melihat kelibat lelaki itu keluar rumah untuk mencari pendapatan tambahan.

Namun, Puteri Syamimi Nordin, 23, tidak menyangka kelibat itu yang terakhir untuknya kenang selepas insaan kesayangannya meninggal dunia dalam kemalangan, semalam.

Ramizee Ramli, 34, yang juga anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Langkawi meninggal dunia selepas kereta Perodua Bezza dipandunya dari Ayer Hangat menghala ke Ulu Melaka di sini terbabas dan merempuh tiang elektrik.

Puteri Syamimi berkata, arwah baru pulang ke rumah selepas tamat kerja pada jam 9 pagi dan dilihat hanya berehat sebentar sebelum bergegas keluar untuk menjalankan perkhid-



ANGGOTA bomba cuba mengeluarkan mangsa selepas kereta dipandunya terbabit kemalangan. Gambar kecil, Ramizee.

matan Grab.

"Dia baharu saja pulang dari kerja dan bergegas bersiap serta memberitahu

nak buat Grab.

"Memang itu kerja sampingannya jika kelapangan untuk menambah pendapa-

tan," katanya ketika ditemui di pekarangan Unit Forensik Hospital Langkawi (HL) di sini, semalam.

Selain Puteri Syamimi, arwah meninggalkan anak lelaki, Iman Mikhail, 1, dan mereka menetap di Kampung Dusun Kumpulan A, Mukim Ulu Melaka di sini.

Bercerita lanjut, wanita itu yang menjual kuih memberitahu, dimaklumkan kejadian menimpa arwah oleh ibunya jam 10 pagi.

"Arwah suami seorang yang penyayang dan dialah yang selalu menjaga anak lelaki kami jika saya sibuk menyediakan kuih untuk jualan.

"Walaupun amat sedih dengan pemergiannya, saya reda kerana dia pergi ketika dalam perjalanan mencari rezeki untuk kami sekeluarga," katanya.

Sementara itu,

Ketua Polis Daerah Langkawi Superintendan Mohd Iqbal Ibrahim ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

"Ketika kejadian, mangsa adalah anggota bomba yang memandu kereta dari Ayer Hangat menghala ke Ulu Melaka, terbabas ke kanan jalan sebelum merempuh tiang elektrik.

"Berikutan impak kemalangan, mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh anggota paramedik HL yang tiba di tempat kejadian," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

**Kereta dipandu arwah terbabas ke kanan jalan sebelum merempuh tiang elektrik**